

**PENYELESAIAN ISU DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN KEMENTERIAN KERJA RAYA  
(MBJ, KKR) BILANGAN 1 TAHUN 2018**

KATEGORI	BIL	ISU & PENYELESAIAN
<b>PERKHIDMATAN/ PERJAWATAN</b>	1	<p><b>Gelaran Jawatan Bagi Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT)</b></p> <p>Cadangan penyelarasan gelaran PPT di KKR kepada "Pegawai Eksekutif (PE)" masih lagi di dalam tindakan JPA dan akan dimaklumkan semula setelah keputusan diperolehi daripada pihak tersebut. Perkara ini dicadangkan supaya dapat dibangkitkan oleh wakil Kesatuan dalam mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) di peringkat JPA.</p>
	2	<p><b>Status Pengisian Jawatan Gred Baru (Gred 16, 18, 28 &amp; 40)</b></p> <p>Pada masa ini, jawatan bagi Gred 16, 18 dan 28 masih dalam kajian BPSM untuk diwujudkan. Manakala bagi Gred JA40, pengisian akan dilaksanakan melalui proses kenaikan pangkat bersekali dengan jawatan-jawatan lain.</p>
	3	<p><b>Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik (PJE) Gred JA19 ke JA29</b></p> <p>KKR telah menghantar surat kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menilai kesetaraan taraf antara sijil kekompetenan dan diploma dalam bidang kejuruteraan selaras dengan cadangan pihak Pekerja melalui Mesyuarat Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja-Pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Pelaksana untuk menaik taraf Skim Perkhidmatan PJE dari Gred J19 ke Gred JA29. KKR akan menyusuli pihak MQA bagi keputusan pihak tersebut sebelum tindakan selanjutnya dapat diambil.</p>
	4	<p><b>Pengisian Jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) W19, W22, W26 &amp; W29</b></p> <p>Pengisian kekosongan jawatan W19 dijangka pada awal bulan Mac 2018 setelah pegawai lantikan baharu melaporkan diri. Pengisian di jawatan kenaikan pangkat pula akan dilaksanakan setelah urusan kenaikan pangkat di JPA selesai dijangka pada bulan Mei 2018.</p>
	5	<p><b>Keperluan Mengkaji Saiz Operasi Sesebuah Organisasi Di Setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ)</b></p> <p>Bahagian Akaun, KKR sedang membuat kajian keperluan perjawatan bagi pemantapan setiap PTJ di Kementerian selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan.</p>
<b>PERKHIDMATAN</b>	6	<p><b>Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Seni Bina Gred J29 Asal Dinaikkan Ke Gred JA36</b></p> <p>Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana KKR telah menetapkan bahawa seseorang pegawai perlu berada di gred semasa bagi tempoh lima (5) tahun sebelum layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Sehubungan itu, sehingga kini permohonan kenaikan pangkat hanya dibuka kepada Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 asal memandangkan JA29 yang baru masih belum layak untuk dipertimbangkan.</p>

7	<p><b>Cadangan markah LNPT Pegawai Penilai Kedua (PPK) ditunjukkan dalam sistem HRMIS</b></p> <p>Pihak JPA memaklumkan bahawa markah LNPT Pegawai Penilai Kedua (PPK) tidak dapat ditunjukkan dalam Sistem HRMIS kerana ia adalah sulit. Bagi tujuan tertentu, pegawai dan kakitangan boleh memohon untuk mendapatkan markah LNPT daripada BPSM di KKR dan agensi.</p>
8	<p><b>Pemanjangan Hebahan Makluman Melalui Emel Mengenai Kursus Bagi Staf Persekutuan Di JKR Negeri Dan Daerah</b></p> <p>KKR sentiasa akan memanjangkan jemputan bagi menghadiri kursus-kursus anjuran KKR melalui emel kepada pihak CREaTE, JKR untuk menyelaraskan penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan di JKR dan Daerah. Emel tersebut juga akan disalinkan kepada JKR Negeri dan Daerah pada masa akan datang untuk makluman awal kepada pegawai dan staf yang berminat untuk menyertai program kursus anjuran KKR. Warga KKR dan agensi boleh memohon sendiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh CREaTE, JKR dengan membuat permohonan secara online melalui portal CREaTE, JKR.</p>
9	<p><b>Bantuan Dan Galakan Kepada Staf Yang Ingin Melanjutkan Pelajaran Serta Pengurangan Karenah Birokrasi Bagi Memudahkan Proses Permohonan Tersebut Dihantar Ke JPA</b></p> <p>Seramai 11 daripada 15 pegawai yang diperakukan oleh Kementerian telah diluluskan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP) mulai tahun pengajian 2018.</p> <p>Selain itu, kemudahan lain yang disediakan kepada Kumpulan Pelaksana yang ingin melanjutkan pelajaran adalah kemudahan Cuti Belajar secara Separuh Gaji (CSG) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Bagi mengikuti Pengajian Teknik dan Pengajian Vakasional.</p> <p>Proses permohonan yang ditetapkan adalah selaras dengan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) sebagaimana keperluan yang dinyatakan di bawah garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).</p>
10	<p><b>Penyelarasan Proses Pertukaran Dalaman Biasa Yang Kelihatan Seperti Dikenakan Tindakan Disiplin Dengan Kadar Tempoh Berkuatkuasa Yang Amat Singkat</b></p> <p>Tarikh kuat kuasa pertukaran yang telah ditetapkan adalah 14 hari setelah mesyuarat jawatankuasa pertukaran bersidang. Walaubagaimanapun, terdapat juga pertukaran yang dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang kritikal.</p>
11	<p><b>Samakan Terhadap Proses Tapisan Peperiksaan Dalam Talian Sebagai Syarat Wajib Lulus Sebelum Layak Dipanggil Untuk Menghadiri Sesi Temuduga Bagi Jawatan Kenaikan Pangkat</b></p> <p>Pada masa kini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) telah melaksanakan beberapa tapisan yang perlu dilalui oleh calon termasuk</p>

		peperiksaan dalam talian dan temuduga sebelum dilantik kali pertama ke perkhidmatan awam bagi pelbagai jawatan. Walaubagaimanapun, tiada peperiksaan dalam talian yang ditetapkan samada di peringkat KKR atau SPA sebelum menghadiri temuduga sebagai tapisan untuk kenaikan pangkat.
<b>PENTADBIRAN</b>	<b>12</b>	<p><b>Penyelenggaraan Aset Kenderaan di JKR Woksyop</b></p> <p>Kesan pemindahan lokasi JKR Woksyop Persekutuan sedikit sebanyak telah mengganggu dan menjejaskan proses penyenggaraan kenderaan di JKR Woksyop. Walaubagaimanapun, proses pemindahan JKR Woksyop telah selesai dan telah beroperasi sepenuhnya di tempat baru di Pandan Perdana dan mengikut rekod, semua kenderaan pelanggan telah siap disenggara sepenuhnya. Pihak JKR Woksyop juga ada menyediakan perkhidmatan kenderaan ganti kepada jabatan yang memerlukan semasa kenderaan tersebut dalam proses penyenggaraan.</p>
	<b>13</b>	<p><b>Penyelarasan Dan Penyeragaman Pakaian Seragam di KKR</b></p> <p>Pakaian seragam bagi jawatan-jawatan seperti Pemandu/ Pembantu Operasi/ Pembantu Awam akan diselaraskan kepada baju korporat Kementerian dan pihak Urus Setia di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) sedang dalam proses untuk melaksanakan perolehan berkaitan pakaian seragam tersebut.</p>
	<b>14</b>	<p><b>Keperluan Papan Tanda Tambahan Penunjuk Arah Menuju Ke Pusat Kecemerlangan Teknologi JKR (CREATE), Melaka</b></p> <p>Pihak CREATE telah menghantar permohonan papan tanda penunjuk arah kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka. Walaubagaimanapun, penunjuk arah tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2017 berikutan bajet yang tidak mencukupi dan kerja tersebut akan diteruskan pada tahun 2018.</p>
	<b>15</b>	<p><b>Keutamaan Parkir Kenderaan Staf Di Dalam Kawasan Pejabat, Cadangan Jangka Panjang Untuk Membina Blok Parkir Khas Berbilang Tingkat Di Tapak Pasar Tani Sekarang</b></p> <p>Secara dasarnya lot-lot parkir adalah mencukupi bagi kegunaan staf KKR yang disediakan di Blok A dan B, Kompleks Kerja Raya. BKP turut menyediakan sebanyak 50 lot parkir untuk kegunaan kenderaan-kenderaan JKR yang diuruskan oleh CDPK, JKR.</p>
	<b>16</b>	<p><b>Penguatkuasaan Pemakaian Pas Keselamatan/ Pekerja Di Dalam Kawasan Pejabat</b></p> <p>Pemakaian pas pekerja adalah diwajibkan bagi semua warga KKR. BKP, KKR akan mengeluarkan peringatan secara berkala untuk memupuk kesedaran supaya pas keselamatan di pakai sepanjang masa. BKP melalui Unit Keselamatan juga akan mengadakan 'spot check' dari semasa ke semasa untuk memastikan arahan ini dipatuhi.</p>

		<p><b>Penyeragaman Teks Rasmi Dalam Penyampaian Dan Ucapan Hebahan Siaraya Di Seluruh Kompleks Kerja Raya Bagi Kepentingan Reputasi Imej Dan Nama Baik KKR</b></p> <p><b>17</b> BKP telah menyediakan dan menggunakan format teks rasmi yang seragam dalam penyampaian dan ucapan hebahan siaraya di seluruh Kompleks Kerja Raya. Semua teks penyampaian dan ucapan hebahan akan disemak oleh BKP terlebih dahulu mengikut format teks rasmi yang seragam sedia ada sebelum sebarang hebahan siaraya dibuat.</p>
<b>HAL-HAL LAIN</b>		<p><b>Pencalonan Anugerah Pingat Dan Bintang Kebesaran Kepada Ahli MBJ</b></p> <p><b>18</b> Setiap surat penawaran pencalonan Pingat/ Darjah Kebesaran yang diterima dari Negeri-Negeri dan Persekutuan akan dipanjangkan kepada semua Ketua Jabatan dan Kesatuan supaya mengemukakan pencalonan bagi warga yang layak mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, ahli MBJ boleh mengemukakan permohonan terus kepada urus setia di BPSM, KKR untuk proses selanjutnya.</p>
		<p><b>Penglibatan Ahli MBJ Dalam Setiap Majlis Rasmi Kementerian Dan Jabatan</b></p> <p><b>19</b> Pihak BKP, KKR akan cuba memastikan terdapat penglibatan ahli MBJ dalam majlis rasmi Kementerian di bawah kelolaan BKP, KKR. Namun begitu, aspek peruntukan perlu diambilkira khususnya jika melibatkan TNT dan penginapan hotel.</p>
		<p><b>Pemantauan Terhadap Ketua Jabatan Yang Menyalahgunakan Kuasa Untuk Menindas Staf Bawahan</b></p> <p><b>20</b> Bagi perkara-perkara seperti melengahkan permohonan pertukaran warga dan tidak bekerjasama untuk perkara kebajikan adalah tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan. Sekiranya Ketua Jabatan didapati menyalahgunakan kuasa, aduan sentiasa boleh dikemukakan kepada Unit Integriti samada di KKR dan JKR agar siasatan lanjut dapat dilaksanakan.</p>